

Headline	Diskaun bil elektrik hingga 40 peratus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Jun 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	14
ArticleSize	95 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,192		



Diskaun bil elektrik hingga 40 peratus

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju memberikan diskaun bil elektrik antara lima hingga 40 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 900 kilowatt jam (kWh) sebulan bagi meringankan beban perbelanjaan bulanan rakyat.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, secara keseluruhan, rakyat akan mendapat diskaun berjumlah RM346 juta yang berkuat kuasa selama tiga bulan mulai bil bulan Julai tahun ini.

“Antaranya, diskaun 40 peratus diberikan kepada penggunaan elektrik bawah 200 kWh sebulan dan 15 peratus bagi penggunaan antara 201 hingga 300 kWh sebulan,” katanya ketika mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) pada Isnin.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, kerajaan turut melanjutkan diskaun bil elektrik kepada sektor ekonomi yang terjejas sebanyak 10 peratus bagi bil bulan Oktober hingga Disember tahun ini.

“Pemberian diskaun elektrik kepada pengguna domestik dan bukan domestik ini, kerajaan akan menanggung kos tambahan sebanyak RM1 bilion,” ujarnya.